

31 MAR 1997

Mahkamah-Tenaganita

TIADA SURAT SUSULAN DIHANTAR KEPADA PERDANA MENTERI, KATA SAKSI

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Seorang setiausaha sebuah pertubuhan bukan kerajaan memberitahu Mahkamah Majistret di sini hari ini bahawa tiada surat susulan dihantar kepada Perdana Menteri untuk menyatakan surat terdahulu mengenai layanan buruk terhadap pendatang asing di kem tahanan Langkap, Perak adalah tidak benar.

Setiausaha Persatuan Pendidikan dan Penyelidikan Pengguna-Pengguna Perak (ERA) S. Vejayan berkata dia juga tidak mengadakan persidangan akhbar untuk menerangkan bahawa surat bantahan yang ditulisnya itu adalah tidak berasas.

Beliau berkata beliau telah menulis surat kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 2 Ogos, 1995 membantah mengenai penempatan beberapa tahanan di Kem Langkap di Hospital Bahagia.

Bagaimanapun Vejayan, 40, yang bekerja sebagai pembantu perubatan Hospital Ipoh, berkata dia akan meminta peguam persatuan supaya menghantar surat kepada Dr Mahathir untuk menyatakan bahawa surat bantahan itu adalah tidak benar.

Beliau yang merupakan saksi pendakwa ke-14 menyambung keterangannya hari ini dalam pemeriksaan semula oleh Timbalan Pendakwaraya Stanley Clement Augustin dalam kes perbicaraan pengarah Tenaganita Sdn Bhd, Irene V.M. Fernandez.

Fernandez didakwa menerbitkan memorandum palsu bertajuk "Abuse, Torture and Dehumanised Treatment of Migrant Workers at Detention Camps" (Penderaan, Penganiayaan dan Layanan Tidak Berperikemanusiaan Terhadap Pekerja Pendatang Asing di Kem-kem Tahanan).

Fernandez, 50, dituduh melakukan kesalahan itu di pejabat Tenaganita Sdn Bhd, No. 28C, Tingkat 3, Lorong Bonus Enam, Jalan Masjid India di sini, pada Ogos 1995.

Dia didakwa mengikut Seksyen 8A(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan boleh dihukum penjara maksimum tiga tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Semasa menjawab soalan lain, Vejayan berkata dia tidak mendapatkan penjelasan dari Hospital Bahagia Langkap mengenai kebenaran faks yang diterima sebelum menulis surat bantahan kepada Perdana Menteri.

Katanya beliau tidak tahu siapakah pengirim faks itu yang menyebabkannya menulis surat bantahan itu kepada Perdana Menteri selepas seminggu menerimanya.

Terdahulu, ketika disoal peguam M.Puravalen yang mewakili Fernandez, pegawai imigresen Abdul Rahim Endut, 40, berkata Jabatan Imigresen menerima laporan mengenai lapan kematian pendatang asing Kem Semenyih di hospital. Antara punca kematian ialah serangan penyakit jantung.

Abdul Rahim bagaimanapun berkata jabatan tidak pernah menerima laporan pendatang asing yang meninggal dunia sewaktu di dalam kem.

Perbicaraan di hadapan Majistret Juliana Mohamed disambung esok.

-- BERNAMA

KLS AHH